



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' Ir. Ts. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.6/2026
PADA 24 JUN 2026 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera. Salam Seremban Mampan Bersih Sejahtera.Salam Malaysia MADANI.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Sepertimana yang kita sedia maklum, Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan telah pun dibubarkan secara rasmi berkuat kuasa pada **5 Jun 2026**, sekali gus menandakan akan bermulanya proses

pilihan raya negeri yang telah umumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia akan dilaksanakan pada ;

- I. Hari Penamaan Calon - 18 Julai 2026
- II. Hari Mengundi Awal – 28 Julai 2026
- III. Hari Mengundi – 1 Ogos 2026

4. Dalam pada itu, saya juga telah dilantik sebagai Pegawai Pengurus Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawah P.128 Seremban yang meliputi kawasan Sikamat, Ampangan, Temiang, Lobak, Lenggeng dan Nilai. Pada masa yang sama, Penolong Pegawai Pengurus serta Pembantu Pilihan Raya yang bertugas di kawasan-kawasan tersebut turut terdiri daripada warga MBS. Pelantikan ini mencerminkan kepercayaan serta keyakinan pihak berkuasa terhadap keupayaan, integriti dan profesionalisme warga MBS dalam menggalas tanggungjawab penting berkaitan pengurusan proses pilihan raya.
5. Majlis ingin mengingatkan semua pegawai agar sentiasa mematuhi Klausa 21, Peraturan-Peraturan Bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Majlis Perbandaran Seremban (Kelakuan dan Tatatertib) 1998 serta ketetapan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) berkaitan penglibatan dalam aktiviti politik. Selaras dengan peruntukan tersebut, pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah dilarang mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti politik termasuk menerbitkan atau mengedarkan bahan yang memihak

kepada mana-mana parti politik, merayu undi bagi calon pilihan raya, bertindak sebagai ejen pilihan raya serta bertanding atau memegang jawatan dalam mana-mana parti politik. Walau bagaimanapun, pegawai Kumpulan Sokongan boleh bertanding atau memegang jawatan dalam parti politik setelah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Datuk Bandar.

6. Sehubungan itu, semua pegawai hendaklah memastikan penglibatan dalam aktiviti politik sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pegawai adalah dilarang menggunakan waktu pejabat, aset, kemudahan, sumber atau maklumat rasmi Majlis bagi tujuan politik serta tidak boleh melakukan apa-apa tindakan yang boleh menjejaskan integriti, profesionalisme dan imej Majlis Bandaraya Seremban. Penglibatan yang dibenarkan hendaklah dilaksanakan secara berhemah, bertanggungjawab dan tidak menjejaskan pelaksanaan tugas rasmi serta prinsip berkecuali perkhidmatan awam.
7. Di dalam tempoh ini, saya ingin mengingatkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab setiap penjawat awam untuk terus melaksanakan tugas dengan penuh profesionalisme, berintegriti serta mematuhi segala peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan pihak berkuasa berkaitan.
8. Sebagai penjawat awam, kita hendaklah sentiasa berpegang kepada prinsip berkecuali serta mengelakkan sebarang tindakan yang boleh menimbulkan persepsi bahawa perkhidmatan awam memihak kepada

mana-mana parti politik atau calon tertentu. Tumpuan utama kita adalah memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat terus berjalan dengan lancar, cekap dan berkesan sepanjang tempoh pilihan raya ini.

9. Pada masa yang sama, setiap warga kerja perlu lebih berhati-hati dalam penggunaan media sosial, penyertaan dalam program-program tertentu serta penggunaan aset dan kemudahan kerajaan agar sentiasa selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Integriti dan disiplin yang tinggi amat penting bagi memastikan kepercayaan rakyat terhadap institusi perkhidmatan awam terus terpelihara.
10. Sebagai warga Majlis Bandaraya Seremban, kita perlu sentiasa mengutamakan kepentingan organisasi dan masyarakat yang kita berkhidmat. Tanggungjawab kita adalah untuk memastikan segala urusan pentadbiran, penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan tempatan dapat diteruskan dengan cekap, berkesan dan tanpa sebarang gangguan. Walaupun suasana pilihan raya sering menarik perhatian pelbagai pihak, kita harus sentiasa meletakkan kedudukan kita sebagai penjawat awam yang berkhidmat untuk institusi dan rakyat, bukannya untuk mana-mana individu atau kepentingan politik tertentu.
11. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengingatkan seluruh warga Majlis Bandaraya Seremban agar terus memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing

sepanjang tempoh ini. Walau apa jua situasi yang berlaku, penyampaian perkhidmatan kepada rakyat hendaklah sentiasa menjadi keutamaan. Marilah kita bersama-sama memelihara imej dan reputasi Majlis dengan mengamalkan nilai profesionalisme, integriti serta mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan sebagai penjawat awam.

12. Dalam pada itu, saya juga menyeru warga Bandaraya Seremban untuk bersama-sama keluar mengundi dan menunaikan kewajipan kepada sistem demokrasi negara. Pelaksanaan tanggungjawab ini membuktikan kematangan rakyat Malaysia di dalam memacu ketamadunan moden untuk masa akan datang.
13. Saya juga mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada Ahli-Ahli Majlis yang bertanding dan ingin saya ingatkan supaya berkempen secara adil dan matang kerana ini merupakan satu amanah yang perlu ditunaikan sebaiknya.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

14. Sehingga 21 Jun 2026, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut:-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2026 (RM73.29 Juta)

Prestasi = **RM70.03j (81.22%)**

- (b) Sasaran 30% Tunggakan (RM28.97 Juta)
Prestasi = **RM10.74j (11.12%)**
- (c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM167 Juta)
Prestasi = **RM91.49j (54.79%)**
- (d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM257.5 Juta)
Prestasi = **RM134.09j(52.08%)**
- (e) Belanja Mengurus (RM256.80 Juta)
Prestasi = **RM113.11j (44.05%)**
- (f) Belanja Pembangunan (RM13.70 Juta)
Prestasi = **RM6.99j (51.01%)**

15. Manakala ketimbang pada 22 Jun 2025 adalah **seperti di paparan**. Perkara ini selaras dengan tema Belanjawan MBS 2026, iaitu ***“Membangun Bersama, Berkongsi Hasilnya”***
16. Selain itu, untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, sepanjang bulan Mei Jabatan Kewangan MBS telah mengadakan operasi kutipan cukai taksiran dari pintu ke pintu di beberapa taman perumahan seperti ;
 - I. Taman Desa Indah
 - II. Taman Nusa Intan
 - III. Taman Hijayu 3
 - IV. Taman Kota Seriemas
 - V. Taman Matahari Indah
 - VI. Taman Senawang Perdana
 - VII. Taman Warisan Puteri

17. Hasil daripada aktiviti operasi kutipan yang dijalankan ini berjaya menghasilkan kutipan berjumlah **RM49,651.72** daripada **83 bilangan akaun**. Selain itu, Pembukaan Kaunter Bergerak pembayaran cukai taksiran dan kompaun di Program Gotong-Royong 2026 (Fasa 1) anjuran DUN Bukit Keayang meraih kutipan berjumlah **RM11,958.40** daripada **46 bilangan akaun** yang membuat bayaran
18. Manakala bagi lawatan ke premis-premis pada bulan januari, berjaya meraih kutipan berjumlah **RM70,993.40** daripada **22 bilangan akaun** yang membuat bayaran.

SUMBER : JABATAN KEWANGAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

19. Sehingga 31 Mei 2026, MBS telah menjalankan aktiviti ;
- Kawalan *fogging* di **14,356** buah premis
 - *ULV* di **22,761** buah premis
 - *Larvaciding dan Source reduction* di **189** lokaliti
 - Gotong royong di **43** buah taman
20. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS sepanjang bulan Mei 2026 mencatatkan;
- a) Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2**
53 pengebumian jenazah

b) Tanah Perkuburan Islam Ainsdale

19 pengebumian jenazah

c) Tanah Perkuburan Kristian Sendayan

5 pengebumian

d) Tanah Perkuburan Islam Nilai yang dibuka pada 15 April 2022, sehingga kini masih tiada jenazah yang dikebumikan di tanah perkuburan ini.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

21. Untuk 19. Untuk makluman Ahli Mesyuarat sekalian, bagi tempoh 1 Mei hingga 31 Mei 2026, Pusat Pandu Lalu KITARecycle (PPLK) Wisma MBS telah merekodkan kutipan sebanyak 20,990 kilogram barangan kitar semula yang terdiri daripada plastik (3,818 kg), kertas (13,719 kg), besi (1,261 kg), aluminium (74 kg), kaca (1,368 kg) dan e-Waste (750 kg). Pencapaian ini membuktikan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan amalan kitar semula serta komitmen berterusan dalam menyokong usaha pemeliharaan alam sekitar dan pengurusan sisa yang mampan.
22. Program KITARecycle juga telah menunjukkan impak yang signifikan dalam membudayakan amalan kitar semula di Negeri Sembilan. Sehingga 31 Disember 2025, sebanyak 2.46 juta kilogram barangan kitar semula berjaya dikumpulkan dengan pengumpulan Mata

Ganjaran Kitar Semula (RP) mencecah 13.96 juta mata. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8.30 juta mata telah ditebus oleh ahli KITAREcycle, bersamaan nilai RM414,873.50.

23. Kejayaan ini mencerminkan komitmen berterusan rakyat Negeri Sembilan dalam menyokong agenda kelestarian alam sekitar serta membuktikan bahawa amalan kitar semula bukan sahaja memberi manfaat kepada alam sekitar, malah turut memberikan pulangan ganjaran kepada masyarakat. Tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terus menjayakan inisiatif KITAREcycle demi mewujudkan Negeri Sembilan yang lebih bersih, hijau dan mampan.

24. Selain daripada itu, dalam usaha menangani isu aduan awam secara proaktif, pada **9 Jun 2026**, Jabatan Kesihatan Persekitaran MBS bersama **Jabatan Kerja Raya (JKR)** dan **Selia Selenggara Selatan Sdn. Bhd.** telah melaksanakan gotong-royong bersepadu bagi menyelesaikan masalah limpahan air longkang ketika hujan lebat di hadapan stesen minyak Petronas, Jalan Pantai-Jelebu. Hasil siasatan mendapati terdapat runtuhannya sisa batu tembok yang menghalang aliran air di longkang berkenaan. Tindakan segera telah diambil melalui kerja-kerja pembersihan menggunakan jentera JCB dengan penglibatan seramai **29 anggota** daripada ketiga-tiga agensi, sekali gus berjaya memulihkan aliran air dan mengurangkan risiko banjir kilat di kawasan tersebut.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

25. Pada **12 Jun 2026**, satu lagi pencapaian penting dalam agenda kelestarian bandar telah direalisasikan menerusi perasmian **Pusat Pandu Lalu KITAREcycle (PPLK) Coca-Cola** di Pejabat Cawangan Nilai oleh **YB Tuan Arul Kumar Jambunathan**, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan. Kemudahan ini diwujudkan hasil kerjasama strategik antara **Coca-Cola Bottlers Malaysia-Singapore-Brunei**, **SWM Environment** dan MBS yang merupakan Kitarecycle mesra OKU pertama di Malaysia bagi memperluaskan akses masyarakat kepada kemudahan kitar semula yang lebih sistematik, mudah dan mesra pengguna.
26. Penyediaan fasiliti ini mencerminkan komitmen berterusan semua pihak dalam memperkukuh amalan pengasingan sisa di punca serta meningkatkan kadar kitar semula dalam kalangan penduduk. Selain memudahkan orang awam menguruskan bahan kitar semula secara lebih berkesan, inisiatif ini turut menjadi simbol kerjasama erat antara sektor awam dan swasta dalam menjayakan agenda pembangunan mampan, seterusnya menyokong aspirasi Majlis Bandaraya Seremban ke arah pembentukan bandar yang lebih bersih, hijau dan lestari untuk generasi akan datang.

SUMBER : JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

27. Bagi memperkasakan keupayaan usahawan kecil dalam menguruskan perniagaan secara lebih mampan, Majlis Bandaraya Seremban telah menganjurkan Kursus Asas Pengurusan Kewangan Berkesan Bagi Peniaga dan Penjaja Kecil pada 19 Mei 2026 bertempat di Bilik Dato' Dagang Paroi, Wisma MBS. Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan dan kefahaman kepada para peniaga mengenai kaedah pengurusan kewangan yang lebih sistematik, teratur dan berkesan, merangkumi aspek perancangan kewangan, pengurusan aliran tunai, rekod perniagaan serta pengawalan perbelanjaan bagi memastikan kelangsungan dan daya saing perniagaan mereka.
28. Program ini telah disertai oleh seramai 38 orang peniaga dan penjaja kecil yang mewakili pelbagai pusat penjaja, tapak penjaja setempat, gerai serta MyKiosk di sekitar kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban. Penganjuran kursus ini mencerminkan komitmen MBS dalam membantu meningkatkan tahap literasi kewangan komuniti peniaga tempatan, sekali gus melahirkan usahawan yang lebih berdaya tahan, kompetitif dan mampu mengurus perniagaan dengan lebih cekap dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa.
29. Selain daripada itu, seramai 4 Orang peniaga telah menerima surat tawaran bagi menjalankan perniagaan di MyKiosk Irama Biz Sendayan pada 22 Mei 2026. Taklimat dan penyerahan surat tawaran telah

disampaikan oleh Ahli Majlis kawasan, Encik Mohd Fairos bin Rusli kepada para peniaga yang berjaya.

30. Inisiatif ini bukan sahaja membuka peluang kepada usahawan kecil menjana pendapatan, malah menyokong pembangunan aktiviti ekonomi yang lebih tersusun dan mampan di kawasan Sendayan.

SUMBER : JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

31. Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan, MBS telah mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun mulai 1 Januari hingga 12 Jun 2026. Pengeluaran kompaun dan amaun **adalah seperti berikut;**

RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN MENGIKUT AKTA BERDASARKAN TARIKH 01/01/2026 HINGGA 12/06/2026		
JUMLAH BILANGAN KOMPAUN	265,949	
NILAI AMAUN	RM14,889,390.00	
BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR	100,956	37.96%
NILAI AMAUN BERBAYAR	RM1,770,689.08	11.89%

32. Untuk makluman, sebanyak **18,934 kompaun** telah dikeluarkan dan sebanyak **2,516 kertas siasatan** telah dibuka sehingga 31 Mei 2026 ini. **Butiran Penuh adalah seperti di paparan.**

33. Perkara ini menunjukkan komitmen berterusan Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan, MBS dalam memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan serta undang-undang kecil yang berkuat kuasa di kawasan pentadbiran Majlis. Tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan bukan sahaja bertujuan mendidik masyarakat agar lebih bertanggungjawab dan berdisiplin, malah turut membantu mewujudkan persekitaran bandar yang lebih teratur, selamat dan kondusif untuk kesejahteraan warga Seremban.
34. Pada masa yang sama, saya berharap agar usaha-usaha penguatkuasaan ini dapat terus diperkasakan melalui pendekatan yang seimbang antara pendidikan, pencegahan dan tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang ingkar terhadap peraturan yang ditetapkan.

SUMBER : JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KAWALAN BANGUNAN

35. Untuk makluman Ahli Mesyuarat, saya ingin menyentuh mengenai pelaksanaan inisiatif pengecualian denda permit bagi kerja-kerja kecil bangunan yang telah dipersetujui oleh pihak Majlis. Inisiatif ini diperkenalkan sebagai langkah pragmatik dan mesra rakyat bagi membantu memutihkan kerja-kerja kecil di premis perniagaan yang telah lama dilaksanakan tanpa memperoleh kebenaran daripada pihak Majlis. Melalui pendekatan ini, para peniaga diberi peluang untuk

mengemukakan permohonan permit dan mendapatkan kelulusan yang sewajarnya tanpa dibebani oleh denda terdahulu.

36. Langkah ini juga bertujuan memastikan urusan pembaharuan lesen perniagaan dapat dilaksanakan dengan lebih lancar serta menggalakkan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Majlis. Pada masa yang sama, ia dapat membantu meningkatkan tahap pematuhan dan pengemaskinian rekod premis perniagaan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban.
37. Selain itu, pengecualian denda permit ini turut melibatkan kerja-kerja kecil bangunan kediaman. Pelaksanaannya adalah bagi memudahkan pemilik rumah menjalankan pengubahsuaian kecil yang diperlukan dengan lebih cepat dan teratur tanpa berdepan kelewatan yang tidak perlu. Langkah ini juga dapat mengurangkan risiko kacau ganggu kepada kawasan kejiranan kerana kerja-kerja yang dilaksanakan adalah melalui saluran yang sah dan dipantau oleh pihak Majlis.
38. Secara tidak langsung, inisiatif ini dapat membantu pemilik rumah untuk berpindah masuk ke kediaman masing-masing dengan lebih segera setelah kerja-kerja berkaitan disempurnakan mengikut keperluan dan syarat yang ditetapkan.
39. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa pengecualian denda permit ini bukanlah bermaksud Majlis memberi kelonggaran kepada mana-mana pihak untuk melanggar peraturan sesuka hati. Sebaliknya, ia merupakan satu peluang dan peringatan kepada

seluruh warga Seremban untuk sentiasa mematuhi undang-undang, syarat-syarat pembangunan serta peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

40. Kita berharap inisiatif ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mendapatkan kelulusan sebelum melaksanakan sebarang kerja pengubahsuaian atau pembinaan. Pematuhan terhadap peraturan bukan sahaja dapat mengelakkan tindakan penguatkuasaan, malah dapat memastikan aspek keselamatan, keselesaan dan kesejahteraan komuniti sentiasa terpelihara.
41. Sehubungan itu, saya menyeru kepada seluruh warga Seremban agar mengambil peluang ini dengan sebaiknya dan menjadikannya sebagai titik permulaan untuk membudayakan pematuhan terhadap segala peraturan yang berkuat kuasa demi mewujudkan sebuah bandar raya yang lebih terancang, selamat dan mampan.

SUMBER : JABATAN KAWALAN BANGUNAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN TAMAN & LANDSKAP

42. Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, Jabatan Taman dan Landskap sentiasa komited dalam memastikan kawasan taman awam berada dalam keadaan selamat, bersih, teratur serta selesa untuk dinikmati oleh seluruh warga bandaraya. Seiring dengan itu, pelaksanaan rondaan dan pemantauan secara berkala telah

dijalankan oleh pasukan penguat kuasa di taman-taman awam di bawah seliaan Majlis bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan serta mencegah aktiviti yang boleh menjejaskan kemudahan awam dan kesejahteraan pengunjung.

43. Hasil daripada rondaan yang dilaksanakan, beberapa kesalahan telah dikenal pasti termasuk membawa masuk kenderaan bermotor ke kawasan taman awam, aktiviti memancing di kawasan larangan, vandalisme, pembuangan sampah serta lain-lain pelanggaran peraturan yang ditetapkan. Sehubungan itu, tindakan penguatkuasaan telah diambil termasuk pengeluaran notis dan kompaun kepada individu yang terlibat sebagai langkah mendidik serta meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab menjaga kemudahan awam.
44. Bagi tempoh **20 Mei 2026 hingga 3 Jun 2026**, sebanyak **26 kompaun** telah dikeluarkan hasil operasi dan rondaan penguatkuasaan yang dilaksanakan di sekitar taman awam utama di Bandar Seremban iaitu **Taman Tasik Seremban, Taman Budaya dan Taman Malaysia**. Daripada jumlah tersebut, **11 kompaun** adalah atas kesalahan memancing di kawasan larangan, manakala selebihnya melibatkan kesalahan membawa masuk motosikal dan kenderaan ke kawasan taman serta pelanggaran lain di bawah bidang kuasa jabatan.
45. Pelaksanaan penguatkuasaan secara berterusan ini diharap dapat meningkatkan tahap kesedaran dan pematuhan masyarakat terhadap peraturan penggunaan taman awam. Kerjasama semua pihak amat

penting bagi memastikan kemudahan yang disediakan sentiasa terpelihara, selamat dan dapat dimanfaatkan secara optimum oleh generasi kini serta akan datang.

SUMBER : JABATAN TAMAN & LANSKAP

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN UNIT AUDIT DALAM

46. Untuk makluman Ahli Mesyuarat, Unit Audit Dalam telah menjalankan pengauditan sampel lesen berisiko pada 20 dan 21 Mei 2026 merangkumi kod lesen hiburan, rumah urut, snuker, karaoke dan hotel. Majlis Bandaraya Seremban sentiasa komited terhadap inisiatif yang dijalankan oleh Unit Audit Dalam MBS yang berperanan sebagai mekanisme semak dan imbang dengan bebas, objektif dan profesional selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1.
47. Sehubungan itu, bagi memperkukuh tadbir urus, kawalan dalaman dan pengurusan risiko di Majlis Bandaraya Seremban, Unit Audit Dalam MBS menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam. Saya percaya, kaedah pengauditan berdasarkan pendekatan 3P1K ini dapat menghasilkan laporan audit yang berkualiti dan berimpak tinggi untuk tindakan penambahbaikan oleh pihak pengurusan MBS.

SUMBER : UNIT AUDIT DALAM

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

48. Untuk makluman, MBS melalui Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah melaksanakan Bengkel Kajian Keperluan Bisnes (BRS)
- I. 12-14 Mei 2026 - BRS bagi **pembangunan Aplikasi Pintar Bersepadu berasaskan Artificial Intelligence (AI)** untuk Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan MBS, khususnya bagi fasa integrasi WhatsApp dan Customer Relationship Management (CRM)
 - II. 2-4 Jun 2026 – BRS bagi **Projek Naik Taraf Portal GeoSeremban** bertujuan memperkukuh pengurusan data geospasial, integrasi sistem dan penyampaian maklumat perancangan bandar bagi menyokong pengurusan serta penyampaian perkhidmatan Majlis yang lebih berkesan.
49. Penganjuran kedua-dua bengkel ini telah menghimpunkan pegawai daripada pelbagai jabatan dan unit di bawah MBS bagi memperhalusi keperluan operasi, teknikal serta fungsi sistem yang diperlukan. Secara keseluruhannya, kedua-dua inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan MBS dalam memperkasakan agenda pendigitalan dan transformasi perkhidmatan ke arah bandar pintar yang lebih moden, cekap dan berdaya saing

SUMBER : JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PENGURUSAN KUALITI & STRATEGIK

50. Untuk makluman, Jabatan Pengurusan Kualiti dan Strategik telah mengadakan lawatan penanda aras ke Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi meneliti sistem pangkalan data dalam talian yang digunakan dalam pengurusan Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 pada 19 Mei yang lepas.

51. Lawatan yang memfokuskan kepada digitalisasi dokumentasi, merangkumi proses kemas kini, pindaan, dan pengesahan pengurusan dokumen MS ISO 9001:2015. Komponen-komponen ini amat penting dalam membentuk pengurusan rekod yang sistematik, pemantauan efektif, serta pelaksanaan audit yang efisien. Berasaskan pengalaman sedekad lebih MPS dan UPM, aplikasi sistem ini bukan sahaja memperkukuh kawalan dokumen, malah memacu amalan kerja digital dan mampan yang selari dengan aspirasi modenisasi perkhidmatan awam.

52. Secara keseluruhan, sesi ini telah mencapai objektifnya dalam memberikan penanda aras (benchmarking) yang jelas buat MBS. Hasil perkongsian pintar ini dijangka dapat membantu MBS dalam merangka dan melaksanakan transformasi sistem dokumentasi MS ISO 9001:2015 ke arah platform digital yang lebih dinamik.

SUMBER : JABATAN PENGURUSAN KUALITI & STRATEGIK

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN

53. Untuk makluman, Majlis Bacaan Yaasin sempena Ulang Tahun Ke-6 Majlis Bandaraya Seremban (MBS) diteruskan di Masjid Kariah Taman Bandar Senawang pada 21 Mei 2026, yang merupakan lokasi ke-30 sejak penganjuran program ini. Pada majlis tersebut turut berlangsung sesi penyerahan 1 unit Water Jet kepada pihak masjid bagi kegunaan pengurusan dan kemudahan penduduk setempat. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan program ini.
54. Selain itu, JPMP juga telah menganjurkan Program Kem Inspirasi Insani 2026 di Pusat Latihan dan Kepimpinan UPNM, Kongkoi, Jelebu. Program ini merupakan kerjasama strategik bersama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Seremban dan Pejabat Pendidikan Daerah Seremban, dengan penyertaan seramai 65 pelajar daripada 20 sekolah menengah sekitar Seremban. Pelaksanaan program ini bertujuan membentuk jati diri pelajar, memperkukuhkan sahsiah serta meningkatkan ketahanan diri dalam menghadapi cabaran gejala sosial dan penyalahgunaan dadah.
55. Sepanjang program, pelbagai aktiviti telah dijalankan termasuk lawatan ke Institusi Pemulihan Dadah dan Jabatan Penjara Malaysia, Jelebu, serta aktiviti berkumpulan seperti Night Walk, Survival Course dan Jungle Tracking. Program ini diharap dapat diteruskan pada masa

akan datang dalam usaha melahirkan generasi muda yang lebih berdisiplin, berdaya tahan dan berakhlak mulia.

56. Seperkara lagi, bagi memperkukuh **Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026**, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan (JPMP) telah mengadakan **Sesi Libat Urus Bersama Agensi Pelancongan** pada 25 Mei 2026 di Seremban. Sesi ini telah menghimpunkan seramai **7 agensi pelancongan** yang turut berkongsi pandangan, cadangan serta idea bernas dalam usaha memperkasa dan mempelbagaikan produk pelancongan di Negeri Sembilan.
57. Perbincangan ini diharap dapat memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara MBS dan industri pelancongan dalam menarik lebih ramai pelancong dalam dan luar negara, sekali gus merancakkan pertumbuhan sektor pelancongan serta ekonomi negeri secara mampan dan berimpak tinggi. Pada masa yang sama, ia turut menyokong usaha memperkasakan penjenamaan **“Pesona Seremban”** melalui penganjuran program-program pelancongan sedia ada seperti **“Moh Nonggok Kek Somban”** yang boleh ditambah baik dari semasa ke semasa.
58. Sehubungan itu, saya mohon agar Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan dapat memberi perhatian serta mengambil tindakan susulan terhadap semua cadangan dan input yang telah dikemukakan bagi memastikan segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan memberi impak yang optimum.

SUMBER : JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

HIJRAONE NAIB JOHAN & PERSEMBAHAN TERBAIK FKIM 2026

59. Untuk makluman Ahli Mesyuarat sekalian, Kumpulan Nasyid MBS, **HijraOne** sekali lagi telah mengharumkan nama Majlis Bandaraya Seremban apabila berjaya mencipta kejayaan membanggakan dalam penyertaan sulung di **Festival Kesenian Islam MAKSAK Peringkat Kebangsaan 2026** yang berlangsung di Kuantan, Pahang pada **20 hingga 24 Mei 2026**. Kumpulan ini telah berjaya merangkul **Naib Johan** serta **Anugerah Persembahan Terbaik** bagi kategori Nasyid Kontemporari, dalam saingan yang menghimpunkan penyertaan daripada **14 negeri seluruh Malaysia**. Pencapaian ini jelas membuktikan tahap bakat, kreativiti serta disiplin tinggi yang dimiliki oleh HijraOne dalam mengangkat nama MBS di persada seni nasyid tanah air.

60. Sekalung tahniah diucapkan kepada kumpulan HijraOne serta semua pihak pengurusan dan tenaga kerja yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyertaan ini. Diharapkan kejayaan yang diraih ini menjadi pemangkin semangat untuk terus mempertingkatkan prestasi serta melakar lebih banyak kejayaan cemerlang pada masa akan datang, seterusnya mengharumkan nama MBS di peringkat yang lebih tinggi.

SUMBER : UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

61. Untuk makluman Ahli Mesyuarat, Majlis Bandaraya Seremban MBS telah menerima **Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan** daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri, sebagai **pengiktirafan terhadap kecemerlangan pengurusan keselamatan perlindungan di MBS** pada **8 Jun 2026**. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri di Dewan Damar Sari, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

62. Anugerah ini diberikan susulan Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan yang telah dilaksanakan oleh CGSO pada **8 hingga 9 September 2025**. Hasil penilaian tersebut, MBS berjaya memperoleh pencapaian keseluruhan **sebanyak 95.00%**, sekali gus meletakkan tahap keselamatan perlindungan MBS pada kategori **CEMERLANG**.

63. Pengiktirafan ini menjadi pemangkin kepada MBS untuk terus memperkukuh budaya keselamatan perlindungan, meningkatkan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan serta memastikan tadbir urus organisasi sentiasa berada pada tahap terbaik dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat. Tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja MBS atas komitmen dan dedikasi yang telah ditunjukkan dalam mencapai kejayaan ini.

PENUTUP

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PENGGAL KEDUA TAHUN 2026

64. Masa terus berlalu, sedar tidak sedar kita telah berada di penghujung penggal pertama tahun 2026. Dengan berbaki lebih kurang enam (6) bulan lagi, saya berharap agar semua warga MBS dapat terus memperkukuh komitmen dan meningkatkan prestasi kerja masing-masing bagi memastikan segala perancangan serta sasaran yang telah ditetapkan dapat dilaksanakan dengan cemerlang.
65. Dalam masa yang sama, semua pihak juga perlu sentiasa bijak mengurus serta menangani sebarang konflik atau isu yang timbul secara profesional, berhemah dan berlandaskan peraturan kerja yang berkuat kuasa agar tidak menjejaskan kelancaran penyampaian perkhidmatan. Fokus utama kita adalah untuk terus memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap, berintegriti dan berimpak tinggi demi kesejahteraan warga bandaraya Seremban.
66. Sehubungan itu, saya juga ingin menekankan kepentingan semangat kerja berpasukan serta budaya saling menghormati dalam kalangan warga kerja MBS. Setiap perbezaan pandangan hendaklah ditangani secara matang melalui saluran yang betul, secara berhemah dan profesional, agar keharmonian organisasi sentiasa terpelihara.

67. Seorang ketua jabatan atau ketua unit perlulah membimbing dengan baik anak buah dibawah seliannya. Ketua yang hebat bukan daripada dirinya sendiri sahaja malah peranan anak buah adalah penting di dalam mencapai KPI yang ditetapkan. Oleh itu, kita mestilah adil dalam memberi markah kepada mereka dan tidak beremosi dan bersentimen di dalam pertimbangan kerja seharian serta meletakkan pemikiran rasional di dalam setiap keputusan yang dilakukan.
68. Saya yakin dengan iltizam, disiplin dan komitmen yang tinggi, kita mampu mengharungi segala cabaran serta terus membawa Majlis Bandaraya Seremban ke tahap kecemerlangan yang lebih gemilang.

Sekian, *Wabillah Wal Taufiq Wal Hidayah, Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

DATO' Ir. Ts. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
24 JUN 2026